



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

2 Oktober 2017

**KENYATAAN MEDIA DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG LAWATAN KERJA PAC  
PARLIMEN KE HOSPITAL SULTANAH NORA ISMAIL, BATU PAHAT, JOHOR.**

- 1) PAC Parlimen hari ini, mengadakan lawatan kerja ke Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI), Batu Pahat bagi melihat sendiri projek menaik taraf HSNI yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 3.
- 2) Lawatan ini adalah lanjutan daripada Mesyuarat Prosiding PAC Parlimen bersama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kerja Raya pada 19 April 2017 berhubung isu berkenaan yang dihadiri Datuk Seri Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 3) Dalam lawatan hari ini, PAC Parlimen turut menjemput PAC Negeri Johor yang diwakili dua ahli PAC negeri iaitu YB Lau Chin Hoon dan YB Abd Razak Minhat.
- 4) Turut serta, Datuk Seri Chin Min; Datuk, Mohd Shafiq Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kewangan Kementerian Kesihatan; Datuk Abdul Razak Jaafar, TKSU (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya dan Kamaluddin Abdul Rashid, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan) serta Datuk Roosme Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha PAC Parlimen.
- 5) Lawatan membabitkan Lif Lobi, Aras 1, Blok B; Aras 6, Blok B; Aras 3 *High Dependency Ward*; Aras 3, Dewan Bedah; Aras 1, Jabatan Pengimejan dan Diagnostik (MRI) dan Aras Bawah (Tempat Letak Kereta)
- 6) Kos keseluruhan projek naik taraf HSNI ini, bernilai RM200.7 juta dan ia bermula pada 2008 dan diserahkan kepada KKM pada 2012.
- 7) Walaupun, projek ini mengalami sedikit masalah daripada segi kelewatan namun, PAC Parlimen berpuas hati dengan langkah penambahbaikan yang diambil KKM dan KKR dengan memastikan kemudahan yang disediakan dalam projek naik taraf ini, dapat digunakan dan beroperasi sepenuhnya demi manfaat pesakit HSNI.

- 8) Pada masa sama, PAC Parlimen juga mengesyorkan kepada kerajaan khususnya, KKR, KKM dan MoF supaya memastikan hanya kontraktor yang benar-benar layak daripada segi pengalaman, teknikal dan kewangan yang dibenarkan masuk untuk tender pembinaan hospital di seluruh negara.
- 9) *Pre-qualification* kontraktor untuk membina hospital amat perlu dalam memastikan tiada lagi projek-projek hospital yang mengalami masalah daripada segi kelewatan pembinaan serta ‘sakit’ apabila digunakan oleh masyarakat.
- 10) Selain itu, kerajaan khususnya KKR perlu mengambil tindakan serius terhadap juruperunding yang terbabit dalam pembinaan hospital jika projek berkenaan mengalami masalah terutama sekali lewat dalam pembinaan dengan menyenaraihitamkan juruperunding berkenaan.
- 11) PAC Parlimen dimaklumkan terdapat sehingga lapan hospital di seluruh negara sedang dibina dan pemantauan rapi perlu diberikan semua pihak khususnya KKR dan KKM dalam memastikan tiada lagi projek hospital ‘sakit’ berulang lagi.
- 12) PAC Parlimen tidak mahu hasrat kerajaan untuk menyediakan kemudahan perubatan terbaik kepada rakyat, terbantut disebabkan kegagalan pemilihan kontraktor yang baik hingga memberikan imej buruk kepada kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi  
Jawatankuasa Kira-Kira  
Wang Negara (PAC)  
Parlimen Malaysia